

TERMA DAN SYARAT (T&S) PROGRAM GANJARAN RUJUKAN PEMBIAYAAN HARTANAH ("T&S")

1. PROGRAM GANJARAN RUJUKAN PEMBIAYAAN HARTANAH

1.1 Program Ganjaran Rujukan ("RRP") Hong Leong Bank Berhad ("HLB")/Hong Leong Islamic Bank Berhad ("HLISB") (secara kolektif dirujuk sebagai "Bank") adalah program yang memberikan insentif ("Insentif RRP") kepada ejen/perunding harta tanah ("Ejen") untuk rujukan yang berjaya kepada pelanggan yang berpotensi ("Pelanggan") membuat pinjaman/pembiayaan dengan Bank bagi pembelian harta tanah ("Pembiayaan Hartanah"), tertakluk pada dan berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat di sini.

2. KRITERIA KELAYAKAN

2.1 SEMUA terma-terma dan syarat-syarat berikut mestilah dipenuhi untuk rujukan Pelanggan Ejen dianggap sebagai berjaya dan layak untuk mendapat Insentif RRP ("Rujukan yang Berjaya"):

- (i) Ejen mestilah Ejen Hartanah (EA), Ejen Hartanah Percubaan (PEA), Ejen Hartanah (REA) atau Perunding Hartanah (REN) yang berdaftar dengan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia (LPPEH) (juga dikenali sebagai *Board of Valuers, Appraisers, Estate Agents and Property Managers*) dengan status ahli yang aktif;
- (ii) Untuk setiap rujukan, Ejen diminta untuk menyerahkan dokumen penjualan RRP yang dinyatakan dalam Klausus 2.2 di bawah kepada kakitangan jualan Bank;
- (iii) Semua produk Pembiayaan Hartanah yang ditawarkan oleh Bank layak untuk RRP. Walau apa pun yang disebutkan di atas, produk Pembiayaan Hartanah yang digunakan untuk tujuan berikut tidak termasuk dalam RRP:
 - Pembiayaan Semula
 - Pembiayaan Tambahan
- (iv) Pekerja HLB atau HLISB yang dirujuk oleh Ejen dikecualikan daripada pembayaran Insentif RRP;
- (v) Untuk setiap rujukan, nilai minimum harta tanah yang akan dibiayai adalah Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) dan jumlah minimum Pembiayaan Hartanah yang akan diluluskan untuk setiap rujukan adalah Ringgit Malaysia Seratus Ribu (RM100,000);
- (vi) Hanya harta kediaman dan komersial yang siap pembinaan layak untuk RRP;
- (vii) Permohonan Pelanggan untuk Pembiayaan Hartanah tertakluk pada persetujuan kredit Bank yang berdasarkan pada harga belian yang dinyatakan dalam Perjanjian Jual Beli (SPA) atau penilaian yang dibuat oleh penilai Bank terhadap nilai pasaran terbuka, mengikut mana yang lebih rendah;
- (viii) Sekiranya Bank menyetujui permohonan Pelanggan, surat tawaran ("Surat Tawaran") akan dikeluarkan oleh Bank. Surat Tawaran dan semua dokumen pembiayaan dan sekuriti yang berkaitan mesti ditandatangani tepat pada masanya oleh Pelanggan;
- (ix) Akaun Pembiayaan Hartanah Pelanggan mestilah sah, dalam keadaan baik, tidak dibatalkan atau ditamatkan oleh Pelanggan atau Bank dengan alasan apa pun dan Pelanggan tidak boleh melanggar mana-mana terma dan syarat yang berkaitan dengan produk Pembiayaan Hartanah sehingga pembayaran Insentif RRP kepada Ejen; dan
- (x) Ejen diminta untuk mencadangkan CASA/CASA-i HLB/HLISB ("CASA/CASA-i Ejen") untuk tujuan pembayaran Insentif RRP.

2.2 Ejen perlu melakukan pendaftaran RRP sebelum memberikan rujukan kepada pihak Bank. Dokumen pendaftaran yang perlu diberikan oleh Ejen kepada Bank adalah seperti berikut:

- Borang Penyertaan yang lengkap diisi oleh Ejen. Borang Penyertaan boleh didapati daripada Pegawai Jualan Bank atau <https://www.hlb.com.my/en/personal-banking/loans/referral-reward-program-application.html>;
- Salinan Kad Pengenalan Ejen;
- Salinan Kad Business Ejen; dan

- Bukti Profesional Ejen: Cetakan skrin gambar hasil carian Ejen dari laman sesawang Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia [<http://www.lppeh.gov.my>].

3. RRP INSENTIF

- 3.1. Kadar Insentif RRP yang perlu dibayar adalah 0.10% untuk setiap Ringgit Malaysia Satu (RM1) (termasuk mana-mana cukai kerajaan, jika ada) dari jumlah Pembiayaan Hartanah yang diluluskan, dibundarkan kepada Ringgit Malaysia terdekat.
- 3.2. Pembayaran Insentif RRP akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Ejen antara enam (6) hingga lapan (8) minggu dari akhir bulan di mana dokumen pembiayaan dan sekuriti yang berkaitan dengan Pembiayaan Hartanah ditandatangani oleh Pelanggan. Ejen bertanggungjawab untuk memastikan bahawa CASA/CASA-i Ejen adalah aktif untuk tujuan pembayaran Insentif RRP, jika gagal; Insentif RRP akan dilucutkan hak.
- 3.3. Tiada notis bertulis akan diberikan oleh Bank mengenai pembayaran Insentif RRP. Ejen bertanggungjawab untuk menghubungi [Pegawai Jualan Gadai Janji Bank](#) untuk mengetahui status pembayaran Insentif RRP.

4. CUKAI KERAJAAN DAN/ATAU CAJ DAN YURAN BERKANUN/PERATURAN YANG DIKENAKAN

- 4.1. Semua Insentif RRP yang perlu dibayar oleh Bank kepada Ejen di bawah T&S ini termasuk Cukai. Untuk tujuan T&S ini, "Cukai" bermaksud apa-apa cukai Malaysia atau asing, levi, pungutan, duti, caj, fi, potongan atau penahanan dalam apa bentuk sahaja termasuk apa-apa cukai penggunaan dan cukai lain yang menggunakan apa sahaja nama, tanpa had, dan apa-apa faedah atau denda yang berkaitan dengannya pada masa kini atau masa depan dan secara langsung atau tidak langsung.

5. GENERAL

- 5.1. Semua maklumat yang diberikan oleh Ejen berkaitan dengan atau untuk tujuan RRP mestilah tepat, benar, terkini dan lengkap. Kegagalan untuk mematuhi syarat ini akan menyebabkan hilang kelayakan sebagai Ejen dan Ejen tidak lagi berhak untuk mendapat Insentif RRP, sama ada selepas hilang kelayakan atau sebelumnya.
- 5.2. Untuk tujuan pengesahan rujukan yang dibuat oleh Ejen, Ejen memberikan kebenarananya kepada Bank untuk mendedahkan namanya dan nama agensi di mana Ejen bekerja kepada Pelanggan yang namanya telah diberikan kepada Bank.
- 5.3. Mana-mana Ejen yang telah melakukan atau disyaki melakukan tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau kesalahan berkaitan dengan kemudahan yang diberikan oleh Bank TIDAK layak mendapat Insentif RRP.
- 5.4. Semua keputusan yang dibuat oleh Bank mengenai sebarang perkara yang berkaitan dengan Insentif RRP adalah muktamad dan mengikat semua Ejen. Bank berhak pada bila-bila masa dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari untuk menambah, menghapus, menangguhkan atau mengubah mana-mana atau semua T&S yang terkandung di sini mengikut budi bicara Bank dengan cara menyiarkan di laman sesawang HLB di www.hlb.com.my atau laman sesawang HLISB di www.hlisb.com.my (secara kolektif dirujuk sebagai "**Laman Sesawang Bank**") atau dengan cara apa pun yang dianggap sesuai oleh Bank. Ejen bersetuju untuk melayari Laman Sesawang Bank secara berkala untuk membaca T&S dan mengikuti perkembangan terkini mengenai sebarang perubahan atau variasi pada T&S.